

PERTANDINGAN FILEM PENDEK **silentSHOUT** 2013

untuk komuniti Orang Pekak dan Pendengar

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN

Siapa yang BOLEH mengambil bahagian:

(A) KATEGORI TERBUKA:

- Dibuka kepada rakyat **Malaysia** dan **Asia Tenggara** (Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand dan Vietnam).
- ❖ Bagi **peserta Pendengar**, filem anda perlu sekurang-kurangnya:
 - a) DUA orang pelakon Pekak dan
 - b) SEORANG krew Pekak (krew kamera/ editor/ penulis/ penasihat skrip)

(B) KATEGORI PELAJAR:

- Dibuka kepada pelajar **di bawah umur 18**. di **Malaysia** dan **Asia Tenggara**.
- ❖ Bagi **peserta Pendengar**, filem anda perlu sekurang-kurangnya:
 - c) DUA orang pelakon Pekak dan
 - d) SEORANG krew Pekak (crew kamera/ editor/ penulis/ penasihat skrip)

Siapa yang TIDAK BOLEH melibatkan diri:

- Rumah produksi profesional, pembuat film profesional dan stesen penyiaran.

Filem anda MESTI:

- karya asli**. Selain Music Video, semua kategori filem akan diterima.
- mengenai **Pekak/ cerita berkaitan Orang Pekak**.
- antara 5 dan 15 minit** termasuk tajuk utama dan kredit.
- mengandungi **sarikata Bahasa Inggeris**. Filem boleh diproduksi dalam sebarang bahasa. Muzik dan suara adalah opsional.
- dihasilkan dalam tempoh **1^{hb} Januari 2013 hingga 8^{hb} Ogos 2013** dan **belum ditayangkan kepada umum** termasuk Internet.
- dihantar dalam format **DVD Pal Data, fail digital MPEG, H.264 kompresi**.
(minimum: 720p, maximum: definisi tinggi 1080p).

*Peserta bertanggungjawab sepenuhnya dengan *talent release* - semua pelakon dan krew yang terlibat dalam filem telah memberi kebenaran mereka untuk Pertandingan Filem Pendek dan Festival silentSHOUT 2013 dan memahami bahawa filem akan ditayangkan di khalayak ramai.

ARAHAN PENYERAHAN

Untuk setiap penyertaan filem, anda mesti:

- melengkap dan menandatangani borang penyerahan.
- menyerahkan DUA gambar daripada filem anda:
 - a) SATU gambar semasa aksi langsung dan
 - b) SATU gambar di belakang aksi.
- menyerahkan filem anda dan dokumen yang berkenaan **sebelum 8^{hb} Ogos 2013, 5p.m** semasa *Silent Coffee* atau hantar ke: **silentSHOUT Communication**
16-1, Jalan 1/109E
Desa Business Park, Taman Desa
58100 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Serahan lewat tidak akan dilayani.

- menyerahkan yuran pendaftaran RM10 (Kategori Terbuka).
Yuran pendaftaran dikecualikan bagi Kategori Pelajar.
- ❖ Jika anda menyertai lebih daripada satu filem, anda perlu memasukkan setiap filem dalam DVD yang berasingan. Sila labelkan DVD itu dan melengkap borang penyerahan yang berbeza untuk setiap filem. Yuran bagi setiap penyerahan ialah RM 10 (Kategori Terbuka).

SYARAT-SYARAT:

1. Pihak penganjur silentSHOUT mempunyai hak untuk menolak sebarang penyerahan filem yang tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan pertandingan. Yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan.
2. Panel juri terdiri daripada ahli professional industri dan tetamu jemputan yang dilantik untuk menilai filem-filem pertandingan. Keputusan panel adalah muktamad dan mengikat sebarang perkara.
3. DVD filem tidak akan dikembalikan kepada peserta.
4. Filem-filem yang dipilih sahaja akan ditayangkan di Festival Filem Pendek silentSHOUT 2013. Filem-filem lain yang diserahkan akan ditayangkan semasa *pre-screening*.
5. silentSHOUT mempunyai hak untuk menggunakan filem-filem pertandingan untuk tujuan publisiti, promosi dan pendidikan di mana-mana media tanpa notis pemberitahuan kepada peserta. Filem kekal sebagai hakmilik peserta.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel kami: hello@silentshout.my.